

12/08/2002

Amaran guna ISA (HL)

Daud Awang

MELAKA, Ahad - Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) akan digunakan sekiranya puak ekstremis terus membangkitkan sentimen perkauman dalam isu pelaksanaan penggunaan bahasa Inggeris dalam pengajaran mata pelajaran Sains dan Matematik.

Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Zainal Abidin Zin berkata bagaimanapun ISA akan digunakan sebagai jalan terakhir selepas perbincangan, nasihat dan sebagainya masih tidak diendahkan oleh golongan berkenaan.

"Tindakan ISA ini adalah untuk memastikan keadaan yang ada sekarang tidak lebih tegang, timbul syak wasangka dan apabila undang-undang yang ada tidak dihormati lagi," katanya.

Kita bukan berniat untuk menakut-nakutkan mana-mana pihak tetapi kerajaan tidak akan berkompromi terhadap mereka yang cuba mencetuskan huru-hara atau kacau-bilau di negara ini.

"Kita tidak mahu wujud perasaan syak wasangka antara kaum di negara ini dan mereka yang cuba mengambil kesempatan untuk menimbulkan huru-hara akan ditahan mengikut ISA," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Program Pembangunan Khidmat Masyarakat anjuran Yayasan Pembangunan Insan Nasional (YPIN) di Mahkota Parade, di sini hari ini.

Program itu dianjurkan bersama Jabatan Narkotik, Polis Diraja Malaysia (PDRM); Agensi Dadah Kebangsaan (ADK), Kementerian Dalam Negeri; Hospital Melaka dan Kementerian Kesihatan.

Turut hadir, Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Wanita dan Kebajikan Masyarakat negeri, Ramlah Abas, Ketua Polis Daerah Melaka Tengah, Asisten Komisioner Mohd Salim Abas, dan Presiden YPIN Kapten (B) Ibrahim Osman.

Semalam, Perdana Menteri memberi amaran kepada kumpulan Cina supaya tidak mengaitkan pelaksanaan pengajaran mata pelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris, mulai tahun depan dengan kedudukan sekolah Cina.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan kumpulan itu supaya tidak bermain api dengan membangkitkan isu perkauman.

Beliau berkata, pihak berkuasa yang menguatkuasakan undang-undang akan mengambil tindakan jika isu yang dibangkitkan itu boleh menimbulkan huru-hara di negara ini.

Zainal Abidin berkata, amaran Perdana Menteri itu adalah jelas dan pemantauan pihak berkuasa terhadap kumpulan terbabit akan terus dilakukan untuk memastikan mereka tidak menimbulkan isu perkauman.

"Kerajaan seboleh-bolehnya tidak mahu menggunakan akta ini tetapi jika tidak ada pilihan lain, kita tidak teragak-agak untuk melaksanakannya," katanya.

Sementara itu, Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Ali Rustam ketika diminta mengulas, berkata kerajaan perlu bertindak tegas untuk memastikan pelaksanaan pengajaran dua mata pelajaran berkenaan berjalan lancar tahun depan.

Beliau berkata, tindakan itu tidak menghakis sistem aliran sekolah Cina atau India sebaliknya ia memberi manfaat kepada sekolah terbabit.

Katanya, di Singapura aliran Inggeris telah lama digunakan tetapi identiti rakyat mereka sama ada Melayu, Cina atau India tidak hilang.

"Kerajaan perlu bertegas dalam soal ini kerana ia dibuat untuk kebaikan semua rakyat tanpa mengira bangsa dan keturunan," katanya.